

Pejuang sandar populariti Mahathir



SHAHRUDDIN MD. SALLEH

**Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN**
fadhullah.adnan@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Walaupun usia setahun jagung, Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) dianggotai ahli amat berpengalaman terutama Tun Dr. Mahathir Mohamad yang diyakini mampu memenangkan kerusi-kerusi ditandingi di Johor.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pejuang Johor, Datuk Shahrudin Md. Salleh berkata, walaupun calon

Pejuang memiliki kekuatan sendiri namun populariti bekas Perdana Menteri dua kali itu tidak dinafikan memberi impak kepada parti.

Malah, katanya, Pejuang mahu menawarkan sebuah kerajaan yang berintegriti cekap, amanah dan menjaga kepentingan semua kaum.

“Pejuang parti baru diluluskan pendaftarannya, tetapi parti ini dipimpin oleh seorang yang cukup berpengalaman iaitu Dr. Mahathir.

“Negara dikenali sebagai Ha-

rimau Asia di bawah pimpinan Dr. Mahathir dan saya percaya Pejuang dapat membina semula ekonomi negara dalam suasana dan cabaran Covid-19.

“Beliau yang juga pengasas Pejuang sudah berumur lebih 90 tahun dan pernah menjadi Perdana Menteri dua kali, maknanya pengalaman Pejuang dari segi (politik) terlalu lama setanding UMNO,” katanya di sini.

Pejuang mempertaruhkan 42 calon di 56 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada

Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor.

Pejuang, kata Shahrudin, yakin tawaran produk integriti dalam kempen parti dapat memikat hati pengundi.

Katanya, tawaran itu penting untuk mendapat kepercayaan rakyat kepada Pejuang dan negara-negara luar.

“Kita bertanding secara sihat dan kita jual produk kita iaitu berintegriti.

“Justeru, orang akan pandang kita lebih yakin, Insya-Allah,” katanya.